

Bersiap Sedia untuk Kedatangan Tuhan !

Oleh *Bernada Fernandez*

www.DivineRevelations.info/Malaysian

www.DivineRevelations.info/Bernada

Bernarda Fernandez telah dibawa ke Syurga dan Neraka selama 2 hari bersama Yesus Kristus. Dia ditunjukkan ganjaran yang disediakan di Syurga bagi makhluk suci, pengangkatan, perjamuan besar, dan keadaan penghidupan. Dia melihat keadaan gereja, penghakiman dan jiwa yang sesat di Neraka.

KUNJUNGAN PERTAMA SAYA

Disebabkan rasa kurang sihat pada pagi itu, suami saya menolak untuk meninggalkan saya bersendirian dan pergi bekerja. Saya memberitahunya bahawa saya tidak sendirian. Setelah kepergiannya, saya berasa saya berada di ambang maut. Oleh itu, saya mengambil keputusan untuk menelefon sebilangan teman, dan ibu mentua saya. Ibu mentua saya menjawab: "*Bernarda, Allah akan memberkatimu pada hari ini, jangan takut*". Jawapan yang sama diberikan oleh seorang saudara dalam Kristus yang saya telefon, tetapi dia menambah: "*Bernarda bangun dari tempat tidurmu dan pujilah Tuhan, menangislah kepadaNya dan muliakanlah DIA*".

Dalam kelemahan saya menangis pada Tuhan dan berkata: "*Tuhan Engkaulah kekuatanku, datang dan tolonglah saya*". saya cuba untuk berdiri, tetapi tiada kekuatan. Suara saya tidak kedengaran lagi namun jiwa saya menangis kepada Tuhan untuk menolong saya setelah memikirkan saya semakin hampir kepada kematian. Tiba-tiba kamar saya diliputi oleh cahaya seperti nyalaan api. Tiba-tiba rasa takut hilang dan saya melihat para malaikat turun dan masuk ke kamar saya. Saya dapat mendengar dengan sangat jelas percakapan antara mereka. Tiba-tiba suatu makhluk yang luar biasa muncul, sangat luar biasa daripada malaikat. Dia berpakaian putih dengan selempang emas. Di dadanya tertulis: "**SETIA DAN BENAR**". Di wajahnya terpancar kelembutan dan kasih. Yesus Kristus di hadapan saya, Raja segala raja dan Tuhan segala tuhan. Diberkati NamaNya !

Yesus menghampiri saya, menyentuh kepala saya dan berkata: "***Aku Yesus yang mati bagimu. Lihatlah bekas luka di tanganKu, masih ada bagimu. Aku turun dari Takhta KemuliaanKu untuk berbicara padamu; banyak perkara dalam kehidupanmu perlu diperbetul. Engkau pemalas dan cepat marah. Lagipun, Aku tidak suka 25% kekristianan atau 95%, tetapi 100%. Jika mahu ke Syurga, kau harus kudus kerana Aku sendiri adalah Kudus; Aku datang untuk membawamu ke suatu perjalanan***".



Saya bertanya: "Tuhan adakah ini suatu misi perjalanan?" Dia menjawab "**Tidak**". Kemudian Dia memegang tangan dan mengangkat saya, dan berkata kepada saya dengan kesederhanaan dan penuh kasih. Dia membawa saya sejauh jendela saya, Dia memandang kota New York dan saya melihat kesedihan di wajahnya. Dia menangis dan berkata: "**FirmanKu sangat baik dihutbahkan, tetapi orang-orang tidak mau mendengar. Dosa kota ini telah sampai kepada BapaKu**".

Kota ini penuh homoseksual; antaranya orang-orang politik. Tuhan berkata: "**Inilah suatu Sodom yang lain, tetapi Aku hidup dan pengadilan BapaKu akan jatuh pada kota ini**". Saya berlutut dan menangis tetapi Dia berkata: "**Jangan takut. Saat pengadilan itu dijatuhkan pada kota ini, GerejaKu tidak berada di Dunia lagi**".

Dia membawa saya ke tempat tidur dan meminta saya menelepon seorang saudara dari Jemaah. Dia meminta saya untuk memaklumkan kepadanya bahwa roh saya akan keluar dari tubuh saya, dan mereka jangan membawa tubuh saya ke rumah sakit atau ke pengebumian. sebaliknya, mereka harus memberitahu suami saya agar percaya kepada Dia yang Kebangkitan Semula dan Hidup ([Yohanes 11: 25](#)). Tuhan memberitahu saya kembali: "**Akulah yang memberikan Hidup, Aku membawa rohmu tetapi engkau akan kembali dan memberitakan kepada semua orang agar percaya sepenuhnya kepadaKu. bagi yang percaya kepadaKu tidak akan pernah mati**" ([Yohanes 11:26](#)). Tuhan menghulurkan tangannya dan suatu tubuh yang lain keluar dari diriku. pakaianku putih dan bercahaya seperti Tuhan, Dia memberitahu saya: "**Lihat! Inilah tubuh yang bakal dimiliki oleh orang Kristian yang taat pada FirmanKu tidak lama lagi**".

Saya sadar bahwa saya dapat menembusi dinding. Tuhan memegang tangan saya dan berkata: "**Lihat**"! Saya berpaling dan melihat tubuh saya yang tanpa roh. Dia menjelaskan bahwa tubuh fizikal saya tidak berarti, namun hanyalah debu tanah, dan pada saat mati akan kembali menjadi debu tanah, sebagaimana tubuh fizikal lainnya. Dia menambah bahwa tubuh yang baru saya dapat adalah sangat mulia yaitu roh yang diberikan kepada manusia. Saya beranggapan Dia akan membawa saya langsung ke Syurga, namun bukan begitu.



Kami turun melalui suatu terowong di bawah bumi, saat masuk tempat tersebut Saya tak dapat menahan bau busuk. Saya berkata: "**Tuhan saya tidak mau pergi ke tempat itu**". tetapi kami tetap saja masuk; tempat itu sangat gelap. Saya mendengar suara penderitaan, tangisan dan teriakan. kami duduk di atas batu dan Tuhan berkata: "**Lihatlah**"! Saya melihat penderitaan manusia. Di neraka, manusia menghabiskan waktunya dengan menangis, dan tidak seorang pun peduli tentang orang lain.

Saudara dan saudari yang dikasihi, Saya menyadari NERAKA ITU NYATA. Saya menangis dan menangis, serta menatap wajah Tuhan, Dia berkata: "**Bertahanlah apa yang engkau lihat, dan janganlah melupakannya**". "Aduh! Aduh! Selamanya! Selamanya! Kesakitan dan penderitaan selamanya-lamanya."


Saya berpaling dan bertanya pada Tuhan: "apakah terdapat ahli keluarga saya di neraka?" Dia menjawab "**Aku tidak mengizinkan engkau melihat anggota keluargamu**". Saya

bertanyaNya: "Tuhan adakah terdapat orang kukenal ada di sini?" **"ya dan Aku akan mengizinkan engkau melihatnya."** Tiba-tiba saya ternampak seorang lelaki muda dari dalam neraka: itu Alexander.

Saya mengenalinya di pembangunan rohani yang saya hadiri bersama suami di Republik Dominika. Pada saat itu, saya mendengar suara, **"Berdiri, pergi dan menemui Alexander yang lalu di sini. Katakan padanya jangan menolak berita ini, sebab Aku memberi peluang terakhir padanya"**. Ini suara Tuhan walaupun saya tidak dapat melihatNya. Saya mengatakannya pada Alexander apa yang disampaikan Tuhan kepada saya. Dia membalas: **"Kamu orang Kristian semuanya bodoh. Kamu menyesatkan orang dengan mengatakan Yesus akan datang segera, Saya, Alexander, tidak percaya kenyataan itu benar"**. Saya berkata: **"Alexander, Allah memberi hidup dan mengambilnya kembali apabila Dia mahu; Alexander, kau akan mati segera."** Dia menjawab: **"Saya terlalu muda untuk mati, saya masih ada banyak tahun untuk bergembira di dunia ini."**

Peluang tersebut sememangnya yang terakhir buat Alexander. Tiga minggu kemudian, Alexander meninggal dalam keadaan mabuk. Destinasi hidupnya adalah di tempat ini yang penuh penyiksaan di mana saya melihatnya (neraka). Alkitab mengatakan dengan jelas pemabuk tidak mendapat tempat dalam kerajaan Allah ([Galatia 5: 21](#)).

Ketika melihat orang di Neraka, Saya dapat melihat Alexander diserang oleh dua cacing besar. Dia berteriak **"Aduh! Aduh! Aduh!"** dia disiksa. dia mengenali saya dan berkata: **"saya mengabaikan peluang terakhir. Saya berada di sini sekarang, menderita. Tolonglah, apabila engkau kembali ke dunia, pergilah ke rumahku dan beritahu keluargaku agar percaya pada Yesus dan taat pada FirmanNya, supaya mereka tidak datang di tempat yang penuh seksaan ini."**



Kemudian Tuhan menunjukkan ribuan orang yang menderita di Neraka, dan berkata: **"Kau lihat, sebahagian orang ini mengenaliKu semasa di dunia. Masih banyak orang di dunia yang berada di jalan tanpa tahu ke mana tujuannya. Ketahuilah jalan ke Syurga sangat sempit, dan akan dipersempit lagi. Akan ada kesulitan di bumi, agar kamu dimurnikan seperti emas, Namun jangan takut kerana Aku mendahuluimu seperti seorang pahlawan gagah perkasa"**.

Saya bertanya: **"ADAKAH TERDAPAT ORANG KRISTIAN DI NERAKA?"**, Dia menjawab: **"Ya, kau tahu mengapa? Mereka percaya padaKu namun tidak berjalan menurut FirmanKu. Terdapat banyak umat Kristian hanya bertingkah laku benar apabila berada di dalam gereja, di depan pendeta dan keluarga mereka. Namun mereka penipu besar bagi diri mereka. Mata BapaKu melihat segalanya dan mengerti setiap perkataan, walau di mana sekalipun engkau. Katakan pada umatKu bahawa inilah waktu hidup suci dan kudus di hadapan BapaKu, di hadapan iblis dan di hadpan dunia. Biarlah iblis tidak berkuasa mempersalahkan umatKu; dan biarlah dunia tidak menuding pada umatKu. "[\(1 Petrus 1: 14-16\)](#)"**



Kemudian kami pergi ke suatu tempat seperti lautan api. Saya menghidu bau yang sangat busuk dan Tuhan berkata: "***Apa yang kau lihat adalah danau berapi, yang sudah tersedia untuk iblis, nabi palsu, dan antiKristus. Aku tidak menyediakan tempat ini bagi manusia, tetapi mereka yang tidak percaya kepadaKu sebagai Juruselamatnya dan tidak hidup menurut FirmanKu akan berada di sana*** ([Wahyu 20:14](#))"

Pada ketika itu saya melihat Tuhan menangis dan berkata: "***Ada begitu banyak sekali mereka yang sesat berbanding dengan mereka yang masuk ke Syurga***". Tuhan menunjukkan kepada saya orang yang mati setiap menit dan berkata: "***Lihat! Berapa banyak yang sesat! GerejaKu tertidur walaupun kenyataannya mereka mengaku menerima KuasaKu; mempunyai FirmanKu dan Roh Kudus, tetapi mereka tertidur. Di dunia ada yang berkhotbah bahawa tidak wujudnya Neraka. Pergi dan katakan bahawa tempat ini nyata***".

Saya dapat merasai kepanasan. Kami meninggalkan tempat itu dan terus ke Syurga. kami masuk ke Syurga kedua. Di Syurga ini Tuhan menunjukkan matahari dan bintang lalu berkata: "***Lihat bintang-bintang ini, Aku menyebut mereka mengikut namanya. Kau lihat matahari, kerana KuasaKulah matahari dapat bersinar untuk orang yang benar dan orang yang jahat. Namun akan datang harinya apabila matahari tidak lagi bersinar, segalanya menjadi gelap***".

Kami masuk lebih dalam dan tiba di kerajaan Allah. Saya melihat rumah-rumah yang sangat indah. Tembok rumah-rumah itu sangat tinggi yang diperbuat daripada emas tulen dan batu berharga. Ada dua belas gerbang mutiara, dengan dua belas malaikat di setiap gerbang. Saya tidak tahu sama ada saya dibenarkan masuk, namun Tuhan melihat saya dan berkata: "***engkau mahu masuk?***" "Oh, ya Tuhan! Saya sememangnya mahu." "***kalau demikian masuklah, sebab Aku sendirilah pintu itu***" ([Yohanes 10:9](#)).



Pada ketika itu, saya masuk melalui gerbang yang indah dan melihat taman yang penuh bunga-bunga indah. "***engkau mahu ke taman? Jika begitu pergilah sebab Aku menyiapkannya untukmu dan umatKu***". Apabila melangkah ke dalam, Saya mula mengatur bunga menjadi jambak. Saya berlari di taman seperti seorang anak kecil. Bunga-bunga yang saya pegang berwarna-warni dan sangat harum. Tuhan memanggil seseorang. Seorang malaikat, yang gagah dan cantik sehingga tak dapat diungkapkan. Tuhan berkata: "***Kau lihat yang ini, dialah pemimpin malaikat Michael, dialah pemimpin lasykarKu. Lihat lagi!***" aku melihat lasykar yang kuat menunggang kuda-kuda dan Tuhan berkata: "***mereka bukan lasykar manusia, namun kepunyaan BapaKu. Lasykar ini bersiap-siap bagi orang yang SUNGGUH-SUNGGUH dilahirkan kembali; jangan takut, sebab mereka lebih kuat daripada yang di bumi***".

Kemudian Dia menunjukkan kepada saya malaikat yang lain. "***yang ini malaikat pemberita bagi umatKu yang taat kepada FirmanKu***". Saya bahagia mendengarnya. Yesus berkata: "***Dengarlah baik-baik! Akulah Allah Abraham, Tuhan bagi Musa dan Tuhan Elijah, yang menyebabkan api turun dari Syurga; Aku tidak berubah. Aku akan menunjukkan padamu keadaan umatKu pada hari-hari yang terakhir yang tinggal bagi mereka***". Dia berkata: "***Berhati-hatilah tentang apa yang hendak Kutunjukkan padamu***".

Saya melihat orang Kristian yang lemah dan letih. Tuhan bertanya kepada saya soalan ini: "***Percayakah kau bahawa Aku akan mengambil GerejaKu pada saat ini ?***" Dia berkata, "***UmatKu yang Kujemput adalah penuh kemuliaan, penuh puji-pujian, tak bernoda, dan***

bercela. Ada penipuan antara umatKu, kehilangan Kasih, umatKu berpecah-belah. Telah Kutunjukkan keadaan umatKu pada akhir zaman; Sekarang Aku menunjukkan kepadamu bagaimana kehidupan Gereja pada awal-awalnya. Saudara saudari ini dipenuhi dengan Kemuliaan Allah. Mereka berpuasa dan berdoa dengan konsisten; Firmanku disampaikan tanpa rasa takut. Sedangkan umatKu sekarang berpendapat Aku sudah berubah, mereka juga berpendapat bahwa Roh Kudus telah berubah. Kesalahan terbesar umatKu saat ini adalah mereka hidup dalam rutin kehidupan mereka yang dirancang oleh manusia. Oleh itu, mereka telah melupakan berita dari Roh Kudus dan dari Atas. Beritahulah hamba-hambaKu, Pendeta-pendeta, waktunya telah tiba untuk membelakangkan segala rutin dan segala program. Jika mereka melakukannya, mereka akan melihat Kuasa Allah di tengah-tengah mereka, Roh Kudus yang diturunkan pada Gereja pada awal dahulu. Dia akan menunjukkan tanda-tanda, keajaiban-keajaiban dan mukjizat-mukjizat dahsyat, bahkan yang mati pun dibangkitkan. Roh Kudus tetap sama, kamulah yang telah berubah".



Orang-orang Kristian, inilah saatnya untuk kembali kepada Gereja yang awal. Saya meninggalkan taman yang indah ini dan pergi ke jalan yang dibuat daripada emas, Tuhan berkata: "**Sentuhlah! Benar ini memang emas tulen. Pergi dan beritahulah kepada anak-anakKu SEGERA, mereka akan berjalan di jalan emas ini yang dibuat olehNya yang memberi hidup. (Wahyu 21:10-15)**"

Oh! indahnya berjalan di jalan emas! kemudian saya melihat suatu Takhta yang dikelilingi malaikat-malaikat, Pemimpin malaikat dan Serafim. Terus-menerus mereka memuji Allah, yang duduk di Takhta, berkata: "*Kudus, Kudus, Kuduslah Tuhan Allah Maha Kuasa; Syurga dan Bumi penuh kemuliaanNya. Amin!*" **Telah tiba masanya angkatlah tanganmu yang kudus dan pujilah Aku".**



Pada masa yang sama aku melihat air kehidupan yang mengalir dari Takhta. Saya juga melihat ada pohon kehidupan dan di bahagian lain saya melihat pelangi dan lautan kristal. Saya bertanya kepada Tuhan: "Siapakah yang duduk di Takhta?" Dia menjawab: "**BapaKu, Tuhan yang Hos**". Saya berkata: "Dapatkah saya melihat Bapa?" "**Tidak, belum tiba masanya**", jawab Tuhan.

Walaupun tidak dapat melihat Bapa, Yang duduk di atas Takhta itu Maha Besar dan Berkuasa. Ada guruh dan kilat memancar keluar dari Takhta dan aku mendengar puji-pujian. Yesus berkata: "**Dengarkan engkau akan puji-pujian? Itu pujian daripada mereka yang telah diselamatkan**". Saya melihat tujuh malaikat, masing-masing memegang mangkuk; dan tujuh (malaikat) lainnya, masing-masing memegang trompet. "Tuhan, Siapakah malaikat-malaikat ini?" Tuhan menjawab: "**Tujuh mangkuk yang dipegang oleh malaikat-malaikat berisi kemurkaan Allah, akan dituang pada saat trompet dibunyikan, GerejaKu (Orang Kristian yang hidup menurut kehendak BapaKu) akan terangkat. Mereka tidak lagi berada di dunia pada masa kesengsaraan yang hebat. Sebelum muncul antiKristus itu, yang penuh dosa,**

GerejaKu akan mendengar trompet terakhir berbunyi, dan mereka akan bertemu Aku di udara (1 Tesalonika 4:16).

Saya berada di sana, sahabatku, di hadapan Takhta Maha Besar, dan tak tahu waktu pada saat itu. Yesus menunjukkan kepada saya bagaimana GerejaNya (penganut yang benar-benar percaya) terangkat! Saya melihat penglihatan ini, ribuan orang hilang. Kejadian ini berlaku di seluruh dunia, TV dan radio memberitakannya. Akhbar-akhbar (berwarna merah pada tajuk berita), juga menulis berita itu. Tuhan berkata: "***Berita-berita ini akan segera terjadi. Jika pengadilan BapaKu belum dijatuhkan pada dunia, itu disebabkan oleh orang-orang Kristian, yang setia dan yang sungguh mengasihiKu***"



Selepas itu, saya melihat munculnya seorang pendosa. Dia berkata kepada semua penduduk di bumi: "*aku membawa kedamaian dan keselamatan*" dan dengan segera manusia lupa tentang hal yang baru berlaku. Yesus berkata: "***Awas perhatikanlah!***". Saya melihat dalam penglihatan itu terdapat tujuh malaikat memegang tujuh mangkuk. Sahabatku, hal yang terjadi sulit untuk digambarkan. Saya melihat malaikat menuang tujuh mangkuk berisi kemurkaan Allah ke bumi. Trompet dibunyikan. Allah menuang pengadilanNya pada seisi bumi, seluruh negara hilang. Tuhan berkata: "***Lihat! Orang-orang ini adalah sebahagian GerejaKu yang antaranya pendeta-pendeta***". Disebabkan saya tidak faham sepenuhnya, saya bertanya: "*Bagaimana begitu banyak sekali umatMu yang menghadapi kesengsaraan pada masa itu? Bagaimana antaranya terdapat pendeta-pendeta, mereka yang menyampaikan FirmanMu?*" Yesus menjawab: "***Ya, mereka berkhotbah FirmanKu, namun tidak hidup menurut FirmanKu.***" Kemudian Tuhan mengizinkan saya melihat ribuan pendeta, dan berkata: "***Merekalah pendeta-pendeta yang tidak memberitakan FirmanKu seperti yang tertulis. Mereka berpendapat FirmanKu tidak bersesuaian dengan era dunia mereka. Mereka banyak menjaga orang yang memberikan banyak persembahan dan perpuluhan, sebab mereka lebih tertarik pada material. Pergi dan beritahulah pada hamba-hambaKu bahawa Akulah yang memanggil mereka, emas dan perak kepunyaanKu, Aku memberikannya dengan kebesaranku dan kemuliaanKu. Katakanlah bahawa FirmanKu harus disampaikan seperti yang tertulis. Ada banyak, mereka yang memberitakan maksud lain mengenai FirmanKu. FirmanKu adalah FirmanKu, dan tidak seorangpun boleh mengubahNya. Firman harus diberitakan seperti yang tertulis. Banyak antara UmatKu yang memutarbelitkan kebenaran FirmanKu demi keuntungan mereka***".

Selepas itu, kami masuk ke Yerusalem baru dan Tuhan berkata: "***Apa yang engkau lihat ialah Firdaus!***" Di Firdaus saya melihat Rasul-Rasul dan saya bertanya, Tuhan di mana Abraham? Saya menyangkakan akan melihat seorang tua, namun tiba-tiba saya melihat seorang muda sekitar 25 tahun berjalan ke arah saya dan Tuhan berkata, inilah Abraham, Bapa segala orang beriman.

Tuhan memanggil seorang wanita yang tak terhingga kecantikannya, seperti juga yang lain di sana, Tuhan berkata: "***Inilah Maria! Pergi dan beritakanlah bahawa Maria bukan Ratu Syurga. Raja Syurga ialah Aku, Raja segala raja, dan Tuhan segala tuhan; yang berkata: "AKULAH JALAN DAN KEBENARAN DAN HIDUP. (Yohanes 14:6-7). Pergi dan beritakanlah PADA YANG TELAH DIBUTAKAN bahawa tidak ada purgatory, jika ada, Aku pasti menunjukkannya. Sebaliknya, ada neraka, lautan api, Yerusalem yang indah, dan Firdaus yang telah Kuperlihatkan kepadamu. Tetapi beritahulah bahawa tidak ada purgatory; katakan pada mereka bahawa ITU ADALAH TIPU HELAH SYAITAN, TIDAK ADA PURGATORY***".



Kemudian Tuhan membawa saya ke ruangan yang penuh Mahkota. "***Inilah Mahkota Kehidupan***". Tuhan bertanya: "***Apakah yang kau lihat?***" Saya melihat Gerejaku, orang-orang percaya dalam komuniti, menyanyi dan memuji, lalu aku bertanya: "***Mengapa nama orang-orang yang percaya di tempatku tidak tertulis pada buku ini?***" Dia berkata: "***Kerana perbuatan salah mereka di bumi***". Setelah semuanya ini Tuhan mengizinkan saya kembali ke dunia, kembali ke tubuh saya, perjalanan ini tamat.



KUNJUNGAN KEDUA SAYA



Suatu hari kami berada di perkumpulan doa, bilangan kami lebih kurang dua puluh orang. Sebagaimana kebiasaannya, kami memulai dengan puji-pujian dan menyembah Tuhan.

Tiba-tiba kami dapat merasakan kehadiran Tuhan. Sangat kuat seperti kami berada pada hari pentakosta. Saya teringat ibu mentuaku, yang telah lanjut usia dia banyak terlibat dalam pekerjaan Tuhan, dia datang kepada saya dan berkata: "***Bernarda, kurangkan bunyi bising semasa puji-pujian sebab kita terlalu bising***". Dia benar, sememangnya puji-pujian seperti bunyi sebuah air terjun. Sewaktu saya hendak menyampaikan kepada saudara saudari seiman untuk menurunkan suara, saya mendengar suara Tuhan berkata: "***Jangan katakan apa-apapun! Di dunia, ketika orang-orang berbuat bising, tak ada yang peduli, mengapa harus engkau hentikan puji-pujian?***" Lalu kami tetap terus memuji dan menyembah Tuhan. Saya dapat merasakan akan terjadi sesuatu. Tiba-tiba saya teringat apa yang dikatakan Tuhan kepadaku dalam kunjungan pertama: "***Aku akan kembali padamu***".

Tiba-tiba Saya melihat cahaya masuk ke rumah saya. Saudara sekalian turut melihatnya, dan mereka berlutut di hadapan Tuhan. Saya tak tahu apa harus dibuat, hanya berdiri terpaku. Cahaya itu menjadi semakin terang, dan mulai membentuk suatu tubuh. Di hadapan saya Tuhan Yesus Kristus yang indah dan penuh kasih. Di bumi, tidak pernah saya melihat wajah sebegini indah pada seorang lelaki. Dia mendekati setiap saudara. saya mahu menyampaikan kepada saudara bahawa Tuhan datang pada saya dan saya mulai berbicara dalam bahasa Roh. ([1 Korintus 14:39-40](#))



Hanya dengan menatap saya, roh saya keluar meninggalkan tubuh dan saya berada di udara. Yesus memegang tangan saya lalu kami menuju ke Republik Dominika. Apabila kami tiba di kota itu, Tuhan berkata: "**Ada dua dosa terbesar kota ini yang dilakukan di hadapan BapaKu, dukun dan pemujaan**". Saya melihat orang-orang di kota itu berlari ke tukang sihir dan objek pemujaan...

Lalu Tuhan membawa saya ke Venezuela dan Mexico. Di Venezuela, saya di udara bersama Yesus, namun saya melihat orang-orang beralih ke sihir, pemujaan, dan dukun-dukun. Di Mexico, saya melihat orang berkumpul dan menyembah iblis-iblis. Tuhan berkata: "**Kedahsyatan dosa ini telah sampai kepada BapaKu. Tanda awal yang Kuberi adalah peringatan, akan ada gempa bumi di Mexico jika semua yang hidup di permukaan kota ini tidak bertaubat dan berbalik kepadaKu**". (Apabila kembali ke bumi, saya ke Mexico dan menyampaikan pesanan ini. Mereka tak mahu mendengar dan baru-baru ini terjadi gempa bumi dahsyat di Mexico.)

Semasa kami masih di udara, Tuhan mengatakan bahawa tangan BapaNya telah terhulur pada seisi muka bumi. aku melihat gelombang-gelombang besar, seperti monster. aku juga melihat angin taufan di bumi. aku bertanya: "*Tuhan apa yang terjadi pada orang Kristian sewaktu semua ini terjadi?*" Dia menjawab: "**Pergi dan beritakan, bagi mereka yang setia padaKu, tidak ada sehelai rambut pun disentuh**".



Setelah itu Tuhan membawa saya ke tempat lain, saya melihat tempat-tempat di bumi terbahagi. Tuhan berkata: "**Banyak negara akan dihapuskan**".

kemudian kami pergi ke tempat lain yang terdapat air bergerak. Kami masuk ke suatu terowong dan sampai ke pusat bumi. Saya melihat pintu-pintu besar. Pintu-pintu ini tidak sama seperti yang saya lihat pada kunjungan pertama. Pada pintu-pintu ini ada rantai-rantai besar. Tuhan berjalan ke arah pintu, setelah mengeluarkan rantai, dan Dia membenarkan saya masuk ke terowong.

Saya melihat ribuan orang, dengan kepala tertunduk, dan baju yang robek. Mereka dirantai dengan rantai-rantai besar. Saya berkata: "*Tuhan, apa maksud ini?*" Dia menjawab: "**Semua laki-laki dan perempuan-perempuan ini sedang dalam perjalanan ke neraka**". Antaranya, saya melihat abang kepada suami saya. Dia seorang yang bermasalah, pernah berkahwin dan bercerai bila-bila masa mengikut kesukaannya, dia pernah mengutuk Allah. Lalu aku memohon kepada Tuhan agar membenarkan saya kembali ke bumi dan memperingatkan Adolfo bahawa dia sedang menuju ke neraka, namun Tuhan tidak menjawab. Sekali lagi saya melihat Adolfo dan isterinya berjalan ke arah terowong. Mereka berada di hujung jurang Neraka. Aku memohon lagi kepada Tuhan agar membenarkan saya kembali ke bumi dan mengatakan kepada orang apa yang telah saya lihat. Tuhan mengangkat tanganNya dan berkata: "**Pergi dan beritakanlah bahawa waktunya hampir habis....ribuan orang akan pergi ke neraka, waktu Adolfo telah tamat, dia akan mati**".

(Apabila saya kembali ke bumi, abang ipar saya, Adolfo tidak mahu mengubah hidupnya. Suatu hari, dia pulang cepat dan memberitahu isterinya: "*Saya tak dapat bekerja lebih lama, sesuatu mengatakan bahawa saya akan mati*". Isterinya menjawab: "*kerana kau mabuk seperti biasanya sebab itu kau katakan hal ini*".

lalu keduanya tidur. Beberapa minit kemudian, isterinya melihat penglihatan. dia melihat suaminya dan dia berada dalam terowong, berpakaian buruk dan menuju neraka. Dia mendengar Tuhan berkata: "**Waktu untuk kalian berdua telah habis**".)

Sewaktu saya masih di udara Tuhan mengatakan: "**Tahukah engkau mengapa Aku membawamu ke sini untuk kali keduanya? Untuk menunjukkan bahawa pada kunjungan pertama, bilangan yang sesat adalah kurang berbanding pada kali ini**". Ada lebih banyak jiwa yang sesat sekarang berbanding sebelumnya.

Kemudian, Yesus dan aku meninggalkan tempat tersebut dan menuju ke syurga pertama, dan kemudian syurga kedua. Semasa sampai di syurga ketiga, Saya melihat malaikat bergerak dari satu sisi ke sisi lain; kemudian saya bertanya: "**Mengapa malaikat-malaikat ini bergerak?**" Yesus menjawab: "**Benar bahawa malaikat sedang bergerak, tetapi Aku akan menunjukkan padamu bumipun sedang bergerak. Berhati-hatilah sebab banyak iblis telah berada di bumi. iblis-iblis sedang mengganggu orang Kristian kerana waktunya tinggal sedikit**".

Tuhan mengizinkan saya melihat iblis-iblis yang marah, Tuhan berkata: "**iblis-iblis yang kau lihat adalah iblis perzinaan. Mereka akan menyerang ribuan hamba-hambaKu dan banyak yang akan jatuh ke dalam dosa itu. Kau tahu mengapa iblis berjaya menjatuhkan hamba-hambaKu? sebab hamba-hambaKu tidak memberikan seluruh kemuliaan bagiKu. Mereka mencuri Kemuliaanku dan menjadi riak. Lebih-lebih lagi, isteri-isteri mereka hidup dalam kehidupan rohani yang tak teratur. Rumah tangga tidak dibangunkan dengan bijaksana.**" ([1 Timotius 2:11-14](#))



Aku melihat ribuan malaikat yang tak terhitung, banyak antaranya bersiap sedia untuk bertempur. Yesus berkata: "**Sekarang Aku sedang mengirim malaikaKu ke dunia agar melindungi umatKu. Pada hari-hari terakhir ini, Aku akan melipatgandakan perlindungan. Syaitanpun akan menggandakan serangannya, namun seharusnya engkau jangan lupa bahawa Allahmu Besar dan Berkuasa. Jika engkau bergantung padaNya maka tidak akan terjadi apa-apun padamu**".

PERJAMUAN

Tuhan membawa saya ke tempat lain. Di sana, saya melihat meja yang sangat besar dan dikelilingi kerusi-kerusi emas. Di setiap kerusi, tertulis nama, dan jubah linen terbaik ditempatkan. Di hadapan tiap-tiap kerusi, saya melihat mahkota-mahkota. Saya melihat ada kerusi yang lebih besar daripada yang lain. Di hadapan kerusi maha besar ada cawan emas terbesar. Yesus meminta saya melihat ke dalam cawan itu. Cawan ini berisi wain, yang siap untuk dituang. Yesus berkata: "**Kau tahu mengapa wain ini siap untuk dituang? Pergi dan beritakanlah bahawa Aku berada di pintu, Aku datang segera**".

Tuhan memberikan jubah dan sebuah mahkota kepada saya. Saya memakai jubah dan mahkota itu, dan Tuhan membawah saya ke tempat lain yang terdapat sesuatu seperti cermin. Dia berkata: "***Tak ada noda dan bekas pada jubahmu, bukan? Tidak seorangpun melalui pintu atau duduk di meja ini, melainkan jika dia sudah dipakaikan jubah ini. Sebilangan orang di bumi telah mengotorkan jubahnya. Yang lain telah berkedut, yang lain meletakkannya di sisi, dan telah melupakannya. Beritakanlah kepada umatKu kini waktunya untuk mencuci jubahnya, menyeterika dan mengambilnya kembali. Orang Kristian harus meminta Roh Kudus menolong menjaga jubahnya dalam keadaan baik, kerana Raja akan segera merayakan perjamuan perkawinan dalam Kerajaan BapaNya***".

KELUARGA SAYA

Saya berasal dari keluarga yang bercerai dan membesar bersama ayah. Ibu saya sangat fanatik agama. Sebaliknya, bapaku tidak percaya apa-apapun. Saya mempunyai seorang adik perempuan kandung tinggal di asrama katolik, tetapi saya percaya Yesus akan membawanya keluar dan memberitakan Injil bersama saya. Saya banyak berdoa untuknya. Apabila saya memikirkan ibu saya yang mempercayai agama mistik, semasa kunjungan pertama, Saya memohon pada Tuhan: "***Tuhan ibu saya tersesat, namun saya telah memberitakan injilMu padanya tetapi dia tidak mahu mendengar. Malah dia bertahan pada agama itu***". Tuhan menjawab: "***Aku akan menyelamatkan ibumu, tetapi Aku akan membawa Dia pulang segera jika tidak dia akan jatuh ke dalam dosa lagi dan ke neraka. Disebabkan ini, sebaik sahaja dia memeluk agama Kristian, dia akan mati dan datang ke sini, di Firdaus***".

Sewaktu saya kembali ke bumi, Saya berdoa, menangis, berharap, mengingatkan Tuhan akan apa yang dijanjikanNya pada saya, namun saya melihat ibu saya lebih lagi memuja mengikut keagamaannya. Suatu hari Allah menggunakan anak lelaki saya untuk mengubah ibu saya. Tiga hari kemudian, dia meninggal.

Sewaktu kunjungan kedua saya di Syurga Tuhan berkata: "***Lihat, apa yang keluar dari mulutKu, tanganKu menggenapinya***". Saya melihat ibu saya di Syurga; berada antara wanita-wanita lain. Lalu Tuhan membawa saya ke suatu tempat di Syurga. Di sana saya melihat anak-anak berpakaian putih memuji dan memuliakan Tuhan. Yesus berkata: "***inilah anak-anak yang telah digugurkan oleh orang tua dan doktor-doktor zalim. Bayi-bayi yang dibunuh sejak di kandungan, dan ditemukan di tempat sampah dan sungai, ada di sini di Syurga.***"



Saudara dan saudari yang dikasihi, bertentangan dengan apa yang mungkin kamu fikir, fetus merupakan manusia sejak dalam kandungan, mulai dari hari pertama kehamilan.

Yesus katakan: "***Bernarda, bekerjalah disebabkan Akulah Kekuatanmu. Pesanan ini harus disampaikan ke seluruh dunia. Pesanan ini untuk semua orang Kristian, pendeta-pendeta, dan segala yang hidup di muka bumi, termasuk kau. Biarlah orang yang kudus tetaplah kekal kudus.***"

Pada masa itu gerbang syurga terbuka. Ada tangga indah yang bergerak. Yesus memanggil ribuan malaikat datang, dan kemudian Tuhan menemani saya pulang ke rumah.

Apabila tiba di rumah, suami saya dan saudara saudari Kristian lain menunggu roh saya kembali. Saya melihat pada tubuh fizikal saya, saya berkata bahawa saya tidak lagi mahu tinggal dalam tubuh itu. Tuhan berkata: "*Engkau tak dapat kembali ke Syurga bersamaKu kerana saatmu belum tiba. Pertama kau harus memberitakan kepada umatKu apa yang telah kau lihat agar merekapun bersiap sedia*". Dengan suara lantang, Dia berkata: "*Masuk dan terimalah hidup, Akulah Kebangkitan dan Hidup, dia yang percaya kepadaKu, walaupun dia mati, dia akan hidup* ([Yohanes 11:25-26](#)).

Testimoni tamat